



Akaun Pelaburan Waheed

Laporan Prestasi Dana Bagi Suku Tahunan
Berakhir 31 Disember 2016

BANK ISLAM

Akaun Pelaburan Waheed

Laporan Prestasi Dana Bagi Suku Tahunan Berakhir 31 Disember 2016

1.0 Maklumat Utama Dana

Pemegang Akaun Pelaburan yang Dihormati,

Tahniah kerana menjadi pemegang Akaun Pelaburan Waheed Bank Islam, iaitu akaun pelaburan yang direka untuk memenuhi keperluan pelaburan anda. Akaun Pelaburan Bertempoh merupakan yang pertama seumpamanya yang berasaskan kontrak Wakalah. Ianya diperkenalkan di dalam sistem perbankan Islam Malaysia pada bulan Jun 2015 selaras dengan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA 2013).

Kami dengan sukacitanya membentangkan Laporan Prestasi Dana Akaun Pelaburan Waheed yang berikut bagi Suku Tahunan Berakhir 31 Disember 2016.

1.1 Nama Produk

Akaun Pelaburan Waheed (Wakalah) - Di bawah Akaun Pelaburan Waheed (Wakalah) ini, pemegang akaun pelaburan, sebagai muwakkil atau prinsipal, memberikan kuasa kepada Bank sebagai wakilnya untuk menjalankan aktiviti pelaburan patuh syariah bagi mencapai jangkaan pulangan hasil daripada pelaburan tersebut.

1.2 Jenis Akaun Pelaburan

Akaun Pelaburan Tidak Terhad - merujuk jenis akaun pelaburan yang mana pemegang akaun pelaburan memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan muktamad tanpa menetapkan apa-apa sekatan atau syarat tertentu.

1.3 Objektif Pelaburan Dana

Menjana pulangan berkadar sederhana dalam tempoh pelaburan yang dipersetujui berasaskan profil risiko aset tersebut.

1.4 Strategi Pelaburan Dana

- Untuk memastikan pelaburan mencapai objektifnya sejajar dengan peruntukan aset bagi melindungi portfolio pelaburan.
- Pada masa ini, Bank melabur dalam Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap dengan tujuan untuk melindungi prinsipal dan **menjana pulangan yang stabil**.

1.5 Ciri-Ciri Akaun Pelaburan

Akaun Pelaburan Bertempoh. Tempoh pelaburan minimum ialah 1 hari hingga maksimum 10 tahun.

1.6 Peruntukan Aset Pelaburan

Bank akan memperuntukkan dana pelabur dalam Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap yang sedia ada bagi menghasilkan keuntungan yang stabil.

1.7 Profil Pelabur

- Kategori Pelabur:
 - Pelanggan Korporat
 - Agensi Kerajaan
 - Akaun Kerajaan
 - Universiti
 - Syarikat, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Perkongsian
 - Perniagaan Lain & Entiti Bukan Perniagaan

- Pelabur yang memerlukan tempoh pelaburan jangka pendek atau sederhana
- Pelabur yang memerlukan portfolio pelaburan patuh Syariah
- Pelabur dengan toleransi risiko yang rendah
- Pelabur yang inginkan keuntungan yang stabil

Nota: Para pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan. Pelabur akan sentiasa terdedah kepada risiko yang berikut; risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan, risiko operasi dan risiko undang-undang. Sila layari laman web Bank Islam untuk penjelasan lebih lanjut mengenai setiap risiko.

1.8 Penilaian Aset Yang Diperuntukkan

Penilaian akan dijalankan setiap bulan yang merupakan sebahagian daripada proses untuk menentukan pulangan kepada pelabur. Pulangan akaun pelaburan ini akan dipengaruhi oleh prestasi aset yang diperuntukkan. Amaun prinsipal dan pulangan tidak dijamin dan pemegang akaun pelaburan menghadapi risiko tidak mendapat sebarang pulangan. Akaun pelaburan ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Walau bagaimanapun, struktur produk telah direka untuk mengurangkan risiko kehilangan prinsipal. Sekiranya berlaku pencairan, pemegang akaun pelaburan diutamakan daripada pendeposit.

1.9 Dasar Pembayaran Keuntungan

Keuntungan akan dibayar pada tarikh matang atau sebarang kekerapan bayaran (untuk pelabur dengan tempoh melebihi 15 bulan), seperti yang dipersetujui oleh pihak Bank dan Pelabur (contohnya, berasaskan bulanan / suku tahunan / setengah tahunan / tahunan).

1.10 Penyata Bagi Sebarang Perubahan

Tiada perubahan pada objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan dalam tempoh suku tahunan ini.

2.0 Penyata Risiko

Di Bank Islam, Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab utama untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti perniagaannya dengan menetapkan kecenderungan risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan objektif keseluruhan perniagaan Bank serta profil risiko yang bersesuaian. Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah yang dibantu oleh Bahagian Pengurusan Risiko memastikan terdapat pengawasan yang berkesan terhadap pembangunan strategi, dasar, prosedur dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Bank.

3.0 Prestasi Dana

3.1 Prestasi bagi Suku Tahunan Berakhir 31 Disember 2016

Kedudukan	Saiz Dana RM'000	Pulangan Aset (ROA) %	Pulangan Pelaburan (ROI)	Tempoh Pengagihan
Oktober	6,048	4.29	Berdasarkan jangkaan pulangan yang dipersetujui semasa pelaburan dibuat, tertakluk pada Terma & Syarat	16 Nov 16 - 15 Dec 16
November	611	4.29		16 Dec 16 - 15 Jan 17
Disember	613	4.24		16 Jan 17 - 15 Feb 17

Nota:

Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Risalah Pendedahan Produk (PDS), Terma & Syarat dan Notis Pengesahan Pelaburan.

3.2 Peruntukan Aset

Portfolio Pembiayaan Perumahan (Kadar Terapung)

4.0 Pembayaran Keuntungan

4.1 Penyata Untung & Rugi

AKAUN PELABURAN WAHEED			
Penyata Untung & Rugi Bagi Suku Tahunan Berakhir 31 Disember 2016			
	Oktober 2016	November 2016	Disember 2016
	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan daripada Pembiayaan	25	5	2
Perbelanjaan Langsung *	-	-	-
Elaun Bagi Penjejasan Pembiayaan	(1)	(0)	(0)
Keuntungan Bersih	24	5	2
Pulangan ke atas Aset	4.29%	4.29%	4.24%
Pulangan ke atas Pelaburan	Berdasarkan jangkaan pulangan yang dipersetujui semasa pelaburan dibuat, tertakluk pada Terma & Syarat		


Nota:

- Pulangan ke atas Pelaburan untuk Akaun Pelaburan Waheed (Wakalah) adalah berdasarkan jangkaan pulangan yang dipersetujui semasa pelaburan dibuat, tertakluk pada Terma & Syarat.
- Secara umumnya, berdasarkan sifat pelaburan produk, kadar Pulangan ke atas Pelaburan dijangka melebihi kadar pulangan deposit.

*Perbelanjaan boleh dikenal pasti, boleh diukur dan perlu ditanggung untuk melengkapkan aktiviti pelaburan tertentu (termasuk pembiayaan).


4.2 Kajian Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap Setakat 31 Disember 2016

Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap Mengikut Lokasi di Malaysia




Sebanyak 40.7% daripada jumlah Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap adalah dari wilayah Tengah. Ini menunjukkan pembiayaan kami lebih tertumpu kepada kawasan maju seperti Lembah Klang.

Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap Mengikut Baki Tempoh Matang Kemudahan



Sebahagian besar daripada Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap mempunyai tempoh matang lebih daripada 15 tahun. Ini akan memastikan kestabilan dalam aliran keuntungan kami yang dapat memberikan manfaat kepada profil pulangan pelaburan terutamanya untuk pelabur jangka panjang.

Kualiti Aset



Portfolio pembiayaan terjejas yang rendah menunjukkan kualiti asset yang kukuh.

5.0 Sorotan dan Prospek Ekonomi

Keadaan ekonomi global kekal mencabar sepanjang tahun 2016. Peningkatan kadar faedah di Amerika Syarikat (AS), kelembapan ekonomi China serta ketidaktentuan harga minyak dunia adalah antara faktor-faktor yang menarik perhatian pelbagai pihak. Lebih-lebih lagi keputusan pemilihan Presiden Amerika Syarikat yang tidak dijangka baru-baru ini telah menyumbang kepada turun naik kadar pertukaran asing dan perubahan modal global yang lebih memihak kepada negara maju. Lantaran itu, kebanyakan matawang asing bagi negara-negara Asia telah menyusut berbanding dolar AS di mana matawang Ringgit telah mencatatkan penurunan sebanyak 6.8%. Ekonomi domestik pula menunjukkan sentimen para pengguna yang lemah pada tahun 2016. Ini adalah berdasarkan kepada Indeks Sentimen Pengguna (CSI) yang berlegar di bawah paras 100 mata bagi sembilan suku berturut-turut. Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan serta kelembapan di dalam pasaran buruh merupakan penyebab utama kepada sentimen yang lemah. Meskipun demikian, perbelanjaan pengguna menunjukkan trend pemulihan apabila perbelanjaan sektor swasta meningkat sebanyak 6.4% pada suku ketiga 2016 setelah mencatatkan penurunan mendadak sebanyak 4.1% pada suku ketiga 2015 (6.4% pada suku kedua 2015) selepas Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan pada bulan April 2015. Oleh yang demikian, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2017 diunjurkan kepada 4.4% berbanding jangkauan pertumbuhan pada kadar 4.3% bagi tahun 2016.

6.0 Sorotan Pasaran Hartanah

Pasaran hartanah kediaman kekal perlahan sepanjang 2016. Menurut Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), pada suku ketiga 2016 menunjukkan penurunan sebanyak 14 peratus dari suku ke suku tahun dalam jumlah transaksi hartanah kediaman. Nilai transaksi pada suku ketiga 2016 juga menunjukkan penurunan sebanyak 12 peratus berbanding suku ketiga 2015 dan 6.6 peratus berbanding suku ketiga 2016. Jumlah pelancaran baru berkurangan kepada 10,655 unit dalam H1:2016 berbanding 70,646 unit yang dilancarkan pada tahun 2015. Harga rumah meningkat pada kadar yang lebih perlahan dengan Indeks Harga Rumah menurun kepada 5.3 peratus tahun ke tahun pada suku kedua 2016. Untuk kawasan Lembah Klang, pasaran hartanah kediaman dijangka mengalami kestabilan harga dengan pertumbuhan yang sederhana. Dengan penyiapan dan penerusan projek-projek infrastruktur di Lembah Klang seperti *LRT/ MRT* akan meningkatkan perhubungan dan harga hartanah di kawasan perumahan Perkhidmatan pengangkutan awam dan lebuh raya akan menjadi pemangkin kepada Pembangunan Berorientasikan Transit di sepanjang jajarannya. Secara amnya, berdasarkan keadaan ekonomi semasa, sentimen pasaran hartanah yang lemah dan keadaan lebih penawaran, keseluruhan aktiviti pasaran hartanah kediaman dalam jangka masa terdekat dijangka mengalami kelembapan. Terdapat juga beberapa palarasan harga dan penstabilannya bagi mencerminkan kelembapan pasaran secara berterusan.

Disediakan oleh:
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

“LAPORAN PRESTASI DANA INI DISEDIAKAN SEMATA-MATA UNTUK MANFAAT PEMEGANG AKAUN PELABURAN DAN TIDAK BOLEH DISALIN, DIPETIK ATAU DIRUJUK SECARA KESELURUHAN ATAU SEBAHAGIANNYA TANPA KEBENARAN BERTULIS BANK ISLAM TERLEBIH DAHULU. BANK ISLAM TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SESIAPA SAHAJA SELAIN PIHAK YANG DIKENAL PASTI DALAM LAPORAN PRESTASI DANA INI BAGI MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM DOKUMEN INI”